CADANGAN TAWARAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI MENCADANG, MEREKABENTUK, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI, MENGINTEGRASI, MIGRASI DATA SERTA MENTAULIAH SISTEM PERAKAUNAN, KEWANGAN DAN HASIL SAGA BERSEPADU UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN.

MBSJ.KUB.400-5/8/202

SYARAT-SYARAT KHUSUS

Petender adalah dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat berikut apabila menyertai tender ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan cadangan *Request For Proposal* (RFP) yang dikemukakan oleh pembida ***ditolak***.

a. Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen cadangan akibat kecuaian dalam penyerahan dokumen berkenaan.

b. Dokumen cadangan yang lewat dihantar/diserahkan tidak akan dipertimbangkan. Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen cadangan yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.

c. Majlis berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup penghantaran cadangan, meminda dokumen *Request For Proposal* (RFP) dengan menyediakan dokumen tambahan (addendum) kerana sebab-sebab tertentu atas inisiatif Kerajaan. Sebarang makluman pindaan akan dimaklumkan melalui e-mel Pembida yang didaftarkan ketika taklimat.

d. Sekiranya diperlukan, Majlis berhak memilih satu cadangan *Request For Proposal* (RFP) atau kombinasi *Request For Proposal* (RFP) untuk dijadikan satu spesifikasi baru Majlis tanpa melibatkan sebarang bayaran atau pampasan kepada syarikat;

e. Majlis tidak terikat untuk melantik mana-mana syarikat berdasarkan cadangan *Request For Proposal* (RFP) yang dikemukakan;

f. Petender adalah bertanggungjawab (accountable) terhadap apa-apa representasi;

g. Petender boleh diminta memberi taklimat/persembahan dan kos yang terlibat hendaklah ditanggung oleh syarikat;

h. Petender adalah dibenarkan untuk mengemukakan cadangan dalam bentuk dokumen, video, model, *prototype* dan lain-lain;

i. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan cadangan *Request For Proposal* (RFP) **TANPA HARGA** dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* kepada pihak Majlis;

j. Sebarang kos yang terlibat dalam penyediaan cadangan *Request For Proposal* (RFP) hendaklah ditanggung oleh petender;

k. Majlis berhak menggunakan cadangan daripada syarikat sama ada syarikat tersebut berjaya atau tidak; dan

l. Dokumen *Request For Proposal* (RFP) yang dikemukakan adalah SULIT.